

## Bab 1: Analisis dan Tafsiran Penyata Kewangan untuk Membuat Keputusan

### Nisbah Keberuntungan (mengukur kemampuan perniagaan untuk memperoleh keuntungan)

Nisbah	Formula	Fungsi
1. Peratus Untung Kasar atas Kos Jualan (Tokokan/ Mark-up)	$\frac{\text{Untung Kasar}}{\text{Kos Jualan}} \times 100\%$	a) Menunjukkan peratus penambahan pada kos barang untuk mendapatkan harga jualan. b) Semakin tinggi nisbah, semakin berkesan kawalan kos jualan.
2. Peratus Untung Kasar atas Jualan (Margin Untung Kasar)	$\frac{\text{Untung Kasar}}{\text{Jualan Bersih}} \times 100\%$	a) Peratus untung kasar bagi setiap ringgit jualan bersih. b) Semakin tinggi peratus, semakin tinggi untung kasar diperoleh.
3. Peratus Untung Bersih atas Jualan (Margin Untung Bersih)	$\frac{\text{Untung Bersih}}{\text{Jualan Bersih}} \times 100\%$	a) Peratus untung bersih yang diperoleh daripada jualan bersih. b) Menunjukkan keberkesanan pengurusan kos operasi perniagaan.
4. Pulangan atas Modal	$\frac{\text{Untung Bersih}}{\text{Modal Awal}} \times 100\%$	a) Peratus untung bersih bagi setiap ringgit modal yang dilaburkan. b) Semakin tinggi nisbah, semakin tinggi pulangan yang diperoleh.

Contoh:

Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2029	RM	RM
Jualan		72,000
Tolak: Pulangan Jualan		(2,000)
Jualan Bersih		<u>70,000</u>
Tolak: Kos Jualan		
Inventori Awal	13,000	
Belian	<u>40,000</u>	
	53,000	
Tolak: Inventori Akhir	<u>(16,000)</u>	
		(37,000)
Untung Kasar		<u>33,000</u>
Tolak: Belanja		(12,000)
Untung Bersih		<u><u>21,000</u></u>
Mengirakan:		
a) Tokokan		
b) Margin Untung Kasar		
c) Margin Untung Bersih		
d) Pulangan atas modal		
		Modal Awal
		RM30000

**Nisbah Kecekapan (menguji kecekapan operasi perniagaan)**

Nisbah	Formula	Fungsi
<b>1. Kadar Pusing Ganti Inventori (kali)</b>	$\frac{\text{Kos Jualan}}{\text{Stok Purata}}$	Ialah bilangan kali stok purata diganti atau dijual dalam satu tahun.
		Bilangan yang rendah menunjukkan
		a) firma tidak berupaya barang atau tidak laris
		b) stok dipegang terlalu banyak
		c) modal terikat dalam bentuk stok adalah tinggi
		d) keupayaan membayar hutang jangka pendek menjadi lebih sukar
*Stok purata = (stok awal+stok akhir) 2		
Stok Purata 365 hari/12bulan/ Kos Jualan 52minggu : _____hari/bulan/minggu		

<b>2. Tempoh kutipan hutang</b>	Ak. Belum Terima 365 Jualan kredit hari	Ia menunjukkan tempoh purata yang diambil untuk mengutip hutang daripada penghutang. Ia juga menggambarkan kecekapan pengurusan kredit perniagaan.
---------------------------------	--	---

<b>3. Tempoh pembayaran hutang</b>	Ak. Belum Bayar 365 Belian kredit hari	Megukur tempoh masa yang diambil untuk membayar hutang.
------------------------------------	---	---

Contoh:

Inventori awal	4000
Belian kredit	26000
Inventori akhir	6000
Jualan Kredit	52000
Ak. Belum Terima	8000
Ak. Belum Bayar	4000
Duti Import	1000

Mengirakan

- Kadar pusing ganti inventori
- Kadar pusing ganti inventori (hari)
- Kadar pusing ganti inventori (minggu)
- Kadar pusing ganti inventori (bulan)
- Tempoh kutipan hutang
- Tempoh pembayaran hutang

**Nisbah Kecairan (menguji kestabilan pengurusan kewangan perniagaan)**

Nisbah	Formula	Fungsi
1. Nisbah semasa/ modal kerja	Aset Semasa Liab Semasa	a) Ia mengukur kecekapan perniagaan untuk menjelaskan hutang dalam jangka pendek. b) Nisbah yang ideal ialah 2:1. c) Nisbah yang rendah bermaksud tidak mampu membayar hutang dalam jangka pendek. d) Nisbah yang tinggi menunjukkan banyak modal yang terbiar tanpa menambah keuntungan.
2. Nisbah Ujian Asid (Nisbah cepat)	AS-inventori akhir-bel.terdahulu Liabiliti semasa	a) Ia menunjukkan kemampuan perniagaan membayar hutang dengan serta merta/cepat tanpa menjual stok. b) Nisbah yang selamat ialah 1:1.
3. Nisbah Ujian Mampu	Jumlah Liab Jumlah Aset	Megukur kemampuan firma untuk meneruskan operasi perniagaan.

Contoh:

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Dis 2029

Premis		50000
<u>Aset Semasa</u>		
Stok	5000	
Akaun Belum Terima	16000	
Bank	14000	
Tunai	4000	
<u>Liabiliti Semasa</u>		
Akaun Belum Bayar	11000	
Modal kerja		28000
		<u>78000</u>
<u>Ekuiti pemilik</u>		
Modal awal		65000
Untung Bersih		13000
		<u>78000</u>

Mengirakan:

- Nisbah semasa
- Nisbah cepat
- Nisbah ujian mampu